

02/11/2002

Politik bukan landasan cari salah ahli

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Puteri Umno tidak harus menjadikan politik sebagai landasan untuk menuduh dan mencari kesalahan mereka yang mempunyai pendekatan berbeza dalam perjuangan.

Ketuanya, Azalina Othman Said, berkata pembabitan wanita muda dalam Puteri Umno adalah sebagai menunaikan tanggungjawab mereka kepada perjuangan parti dan ahli.

"Politik bukan sekadar (tempat) membuat tuduhan tetapi adalah tanggungjawab sehingga ke akar umbi," katanya kepada pemberita di Perhimpunan Agung Puteri Umno yang dirasmikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; naib-naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein.

Beliau mengulas ucapan Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri bahawa seseorang tidak boleh dianggap bersalah sehingga dibuktikan bersalah.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu berikutan beberapa pesaing jawatan Ketua Pergerakan Puteri membuat beberapa dakwaan termasuk laporan polis terhadap Azalina.

Azalina berkata, ucapan Dr Mahathir itu mengingatkan ahli bahawa politik mempunyai agenda penting yang perlu dilaksanakan.

"Ada pengasingan antara politik dan orang yang membuat aduan, dan pada pendapat saya dakwaan seumpama itu biasanya dibuat terutama menjelang pemilihan," katanya.

Beliau berkata, pihak yang sebelum ini melemparkan pelbagai tuduhan terhadapnya tidak harus mengheret sama polis dalam mencapai agenda politik mereka.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat dakwaan itu, beliau berkata: "Saya akan fikirkan".

Dalam perkembangan berkaitan, Azalina berkata, Puteri Umno akan terus bekerjasama dengan Pergerakan Wanita Umno kerana kelahiran mereka akan menjadi tapak bagi wanita muda bergiat aktif dalam politik menerusi Umno.

Sementara itu dalam ucapannya, Azalina berkata, Puteri Umno akan menjadi institusi pendidikan politik untuk wanita Melayu muda berkecimpung dalam bidang itu selain menjadi sayap penting bagi meneruskan perjuangan Umno.

Katanya, Puteri Umno akan dijadikan laluan dua hala antara generasi masa kini dan terdahulu serta digerakkan sebagai satu tenaga politik yang kritis.

"Puteri ialah tapak semaian untuk mencungkil, mengasuh, memupuk dan menyerlahkan potensi wanita Melayu muda.

"Puteri ialah tempat menggilap kecemerlangan dalam membina identiti wanita Melayu yang dinamik, progresif, bertiangkan agama dan bersendikan adat," katanya.